



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)  
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(12)  
Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh : 16.03.2015

**IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PELAKSANA SIRI 1/2015**

Permohon adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN** : **PEMBANTU PERPUSTAKAAN GRED S17**
- (b) **TARAF JAWATAN** : TETAP/KONTRAK
- (c) **JADUAL GAJI:** RM 928.00 (Minimum) – RM 3,375.00 (Maksimum)
- (d) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN :** RM95.00
- (e) **IMBUHAN**
  - (i) Tetap Khidmat Awam : RM115.00
  - (ii) Tetap Perumahan : RM180.00
  - (iii) Bantuan Sara Hidup : RM300.00
- (f) **SYARAT LANTIKAN**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) Warganegara Malaysia;
  - (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S17 : RM928.00);
- dan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **(g) PENGALAMAN BEKERJA**

Pengalaman bekerja sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam menyediakan perkhidmatan pinjaman bahan perpustakaan termasuk pinjaman antara perpustakaan adalah diutamakan.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<http://www.frim.gov.my/general-public/career-opportunities/>) akan diproses.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 3 April 2015 (Jumaat)**

## **CATATAN AM**

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

No. Dokumen: 10165528